



## **KENYATAAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** **KE PUSAT KONSERVASI DAN PENERANGAN PENYU, PADANG KEMUNTING,** **MELAKA**

1. Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP), Padang Kemunting, Melaka telah dibina semenjak tahun 1990 di bawah naungan Jabatan Perikanan Malaysia. Pusat ini bertujuan untuk melindungi spesies penyu yang merupakan spesies haiwan yang dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985 berikutan bilangannya yang semakin berkurangan dan diancam kepupusan. Kerajaan Negeri Melaka telah merekodkan jumlah pendaratan tertinggi Penyu Karah di Semenanjung Malaysia dan menjadi salah satu tarikan pelancong sama ada dalam dan luar negara.
2. Sehubungan itu, pusat penyu ini juga bertujuan menjalankan program-program penetasan, pemuliharaan dan penyelidikan di Melaka selain menyediakan maklumat dan aktiviti pendidikan serta kesedaran awam bahawa spesies penyu perlu dilindungi. Khazanah laut yang sangat bernilai ini telah disenaraikan sebagai **spesies terancam di bawah Appendix I oleh Convention of International Trade in Endangered Species (CITES) dan critically endangered di bawah IUCN Red List of Threatened Species.**
3. Antara program lain yang dilakukan di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu pada hari ini adalah **watikah lantikan renjer seramai lapan (8) orang** bagi menjalankan kerja-kerja rondaan **dan empat orang pemungut telur penyu (berlesen)**, yang ditugaskan untuk mengutip telur penyu di sepanjang pantai pendaratan penyu negeri Melaka.
4. Terdapat **19 lokasi pendaratan penyu** di negeri Melaka dengan mencatatkan sebanyak **548 pendaratan** bagi tahun 2019. Manakala bagi bilangan telur penyu pula, sebanyak **66,695 biji telur** telah berjaya dikutip dan sebanyak **36,759 ekor anak penyu** berjaya dilepaskan.
5. Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi **Bantuan Bencana Banjir** kepada **11 orang penternak akuakultur** di negeri Melaka yang terjejas akibat

bencana banjir yang berlaku pada tahun 2018 dan 2019. **Seramai enam (6) orang penternak yang mengalami kerugian di bawah RM10,000 akan menerima bantuan sebanyak RM1,000.** Manakala **lima (5) orang penternak yang mengalami kerugian melebihi RM10,000 akan menerima bantuan sebanyak RM3,000.** Kedua-dua bantuan akan diberikan dalam bentuk input makanan ikan.

6. Jabatan Perikanan Malaysia akan terus melaksanakan program kesedaran seumpama ini sebagai satu medium interaksi dalam menyalurkan maklumat terutama dalam usaha yang dilakukan termasuk penglibatan melalui perikanan bermuafakat berasaskan komuniti dan ekosistem negara.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

**4 Julai 2020 (Sabtu) jam 5.00 petang**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)  
012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)